

# myLibrary

BERITA PERPUSTAKAAN SULTAN ABDUL SAMAD

BILANGAN 08



Menarik di dalam

**Pencapaian PSAS 2013**

**e-Books**

**Seminar "Guide to Getting Published"**

## PEMBUKA BICARA

Salam sejahtera kepada semua pembaca MyLibrary.

Alhamdulillah, berkat usaha dan kerjasama semua staf, Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS) telah meraih beberapa kejayaan pada tahun 2013 di peringkat Universiti dan kebangsaan.

Sempena sambutan Hari Kualiti dan Inovasi UPM, Perpustakaan telah mendapat tempat pertama bagi kategori Anugerah Inovasi dan tempat ketiga bagi kategori Anugerah Khidmat Pelanggan. Sempena sambutan Bulan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan UPM pula, Perpustakaan menerima Anugerah Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan PTJ Paling Aktif. Di samping itu, Perpustakaan juga telah dinobatkan sebagai Perpustakaan yang mencapai "Highest Usage - Springer e-Books" dan "Highest Usage - Springer e-Journals" bagi tahun 2012/2013. Manakala Kumpulan Inovatif dan Kreatif PSAS telah mencapai beberapa kejayaan di pertandingan peringkat IPTA dan Perbadanan Produktiviti Malaysia.

Bagi menghadapi tahun 2014 yang lebih mencabar, pihak PSAS sedang merancang beberapa penambahbaikan ke atas perkhidmatannya untuk memenuhi keperluan pelanggan.

Harapan kami kepada anda semua, teruskan menggunakan perkhidmatan Perpustakaan. Sokongan anda adalah pembakar semangat kami untuk terus memberikan perkhidmatan Perpustakaan yang terbaik.

Salam hormat.

**MOHD DASUKI SAHAK**

Editor  
dasuki@upm.edu.my

## ISI KANDUNGAN

Tajuk	Muka Surat
Perpustakaan Sultan Abdul Samad memenangi Anugerah Inovasi dan Anugerah Khidmat Pelanggan.	3
Universiti Putra Malaysia won Springer e-Books and e-Journals Highest Usage Award 2012/2013.	3
Smart ACQLIB Mewakili UPM ke Konvensyen KIK MPC Peringkat Kebangsaan 2013.	4
PSAS menang Anugerah JKPP-PTJ Paling Aktif 2013.	5
Sambutan 25 Tahun Sistem Perpustakaan VTLS di PSAS.	6
Seminar Guide to Getting Published.	7
Newly Subscribed Database / e-Books	8
Pameran Kemerdekaan sempena Sambutan Hari Kemerdekaan Malaysia yang ke-56.	10
Key Note Address on "The Role of Library Networking in Increasing Librarian's Competencies" at Universitas Surabaya (Ubaya) Training Center (UTC)	10
Workshop on Collection Assessment Techniques.	11
Sesi Pengenalan Perpustakaan.	12
Penerbitan Brosur / Panduan Perpustakaan 2013.	12
Bilik Bacaan Ringan.	13
Pembentangan Kertas Kerja Pustakawan.	14
Lawatan staf Universiti Malaysia Kelantan ke Perpustakaan Perubatan Veterinar, UPM.	14
Latihan Industri.	15
Lawatan ke UPM.	15
Books Review.	16

"My Library" merupakan berita Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS), Universiti Putra Malaysia (UPM). Penerbitan ini bertujuan menyampaikan informasi perkhidmatan dan kemudahan yang terdapat di PSAS. Hantarkan komen dan pendapat anda bagi meningkatkan mutu penerbitan "My Library" melalui saluran komunikasi berikut:

Ketua Editor, MyLibrary  
Perpustakaan Sultan Abdul Samad  
Universiti Putra Malaysia  
43400 UPM Serdang  
Selangor Darul Ehsan.

Tel. : 03 8946 7040  
Faks : 03 8948 3745  
E-mel : dasuki@upm.edu.my

## SIDANG PENGARANG

Penaung  
**Amir Hussain Md. Ishak**

Penasihat  
**Rosmala Abdul Rahim**

Ketua Editor  
**Hawa Abdul Majid**

Editor  
**Mohd Dasuki Sahak**

Penulis  
**Ketua-Ketua Bahagian PSAS**

Jurufoto  
**Muhammad Marwan Abdul Razak**

Pereka Grafik  
**Suzaini Mohamad Kasim**

Pengedaran  
**Norita Idris**  
**Norlela Mohd Yusof**

# Perpustakaan Sultan Abdul Samad memenangi Anugerah Inovasi dan Anugerah Khidmat Pelanggan



Prof. Dato' Dr. Mohd Fauzi b. Hj Ramlan dengan diiringi oleh Dato' Wan Azman Wan Omar menyampaikan Anugerah Inovasi kepada Puan Rosmala Abdul Rahim, Timbalan Ketua Pustakawan (Perancangan dan Pembangunan).

**UPM, 31 Oktober** - Perpustakaan Sultan Abdul Samad telah memenangi tempat pertama bagi Anugerah Inovasi dan tempat ketiga bagi Anugerah Khidmat Pelanggan sempena sambutan Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan UPM bagi tahun 2013.

Anugerah Inovasi dimenangi melalui projek inovasi Kumpulan Kreatif dan Inovatif (KIK) PSAS, SMART ACQLIB, yang telah membangunkan Pangkalan Data 'ACQClicks' bagi tujuan memantau pemrosesan buku baharu dan memudahkan penjana statistik bulanan pemrosesan buku.

Bagi Anugerah Khidmat Pelanggan pula, Perpustakaan telah dinilai dari 7 aspek iaitu: Kajian Kepuasan Pelanggan; Pemantauan maklum balas pelanggan; Penghargaan yang diterima daripada pelanggan; Pengurusan aduan; Layanan kepada pelanggan melalui telefon; Layanan kepada pelanggan di kaunter-kaunter perkhidmatan; dan penilaian strategi.

Sambutan Hari Kualiti dan Inovasi UPM merupakan usaha pihak UPM untuk meningkatkan kesedaran warga UPM terhadap kepentingan inovasi dan kreatif dalam pelaksanaan kerja; memupuk dan memperkukuh nilai-nilai budaya inovasi dan kreatif di UPM; merealisasikan pengalaman proses, pendekatan dan budaya berteraskan ciri-ciri inovasi dan kreatif dalam perkhidmatan; dan menyumbang kepada peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan. Majlis anjuran Pejabat Pendaftar ini telah dirasmikan oleh Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohd Fauzi b. Hj Ramlan, Naib Canselor Universiti Putra Malaysia di Dewan Besar, Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, UPM.

Semoga kemenangan ini akan menyemarakkan lagi budaya kualiti dan inovasi dalam kalangan warga PSAS.

## UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA WON SPRINGER E-BOOKS AND E-JOURNALS HIGH USAGE AWARD 2012/2013

**Penang, 30 October 2013** - Universiti Putra Malaysia (UPM) has won the "Highest Usage Award of Springer e-Books" and the "Highest Usage Award of Springer e-Journals" for year 2012/2013. The awards were presented during the Access Dunia Online Conference "Malaysia Chapter" Libraries and Publishing - Evolving in New Directions, held at G Hotel, Penang. These awards indicate that UPM community are fully utilising the online databases subscribed by the Library.



## SMART ACQLIB MEWAKILI UPM KE KONVENSYEN KIK MPC PERINGKAT KEBANGSAAN 2013

**Kuantan, 3 Oktober** – Projek inovasi Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) PSAS, SMART ACQLIB, terpilih untuk mewakili Universiti Putra Malaysia dalam pertandingan Team Excellence di Annual Productivity and Innovation Conference and Exposition (APIC) yang dianjurkan oleh Malaysia Productivity Corporation pada 1 hingga 3 Oktober 2013 di Bukit Gambang Resort City, Kuantan, Pahang. Kumpulan SMART ACQLIB telah mempertandingkan projek ACQClicks dalam kategori Pengurusan Sektor Awam.

Pangkalan Data ACQClicks dibangunkan untuk

memantau pemprosesan buku baharu dan menjana statistik bulanan pemprosesan buku. Projek ini telah dipertandingkan di beberapa konvensyen KIK peringkat IPTA dan MPC peringkat wilayah.

Pada Konvensyen KIK IPTA ke-9 yang berlangsung di Universiti Utara Malaysia, projek ini telah berjaya mendapat Anugerah Inovasi Harapan. Manakala di Konvensyen KIK MPC peringkat wilayah, projek ini mendapat penarafan Emas. Penarafan ini melayakkan projek ini dipertandingkan di Konvensyen MPC peringkat kebangsaan.



### KUMPULAN SMART ACQLIB

#### FASILITATOR

Puan Rosmala Abdul Rahim

(Timbalan Ketua Pustakawan, Perancangan dan Pembangunan)

#### KETUA KUMPULAN

Haslina Abu Seman @ Talib,

(Ketua Bahagian Pembangunan Koleksi)

#### AHLI KUMPULAN

Hazlindah Basiron

Noor Syafini Zamani

Samsul Farid Samsuddin

Junaini Mohd Yusof

Zaharudin A. Manap

Shamila Syed

Mohd Rashidi Osman Nusi



Encik Zabidi bin Dato' Md. Adib menyampaikan Anugerah kepada Puan Rosmala Abdul Rahim dengan diiringi oleh Dr. Mohd Rafee Bin Baharudin, Pengarah Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan Prof. Madya Dr. Rozanah Ab. Rahman, Penasihat Undang-Undang UPM.

## PSAS MENANG ANUGERAH JKPP-PTJ PALING AKTIF 2013

**UPM, 27 September** – Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Perpustakaan Sultan Abdul Samad telah dinobatkan sebagai JKPP-PTJ Paling Aktif 2013 sempena Bulan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Universiti Putra Malaysia.

Menurut Nor Afida binti Miskam, Ketua Seksyen Operasi dan Perkhidmatan, Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (PPKKP) UPM, anugerah ini merupakan satu pengiktirafan dan penghargaan pihak Universiti kepada ahli JKPP-PTJ dalam memberi komitmen

dan kesungguhan melaksanakan peranan masing-masing dalam aspek KKP. Anugerah JKPP-PTJ Paling Aktif dinilai berdasarkan beberapa kriteria merangkumi pelaksanaan mesyuarat 3 bulan sekali; pelaksanaan pemeriksaan sendiri 3 bulan sekali; tindakan susulan hasil mesyuarat JKPP-PTJ; pelaksanaan latihan kecemasan; penghantaran laporan JKPP-PTJ; pengemaskinian maklumat PTJ di sistem OSH ONLINE; memenuhi ratio First Aider, Staf dan ahli ERT; serta penglibatan JKPP-PTJ dalam aktiviti KKP yang dianjurkan oleh pihak PPKKP UPM.

Anugerah telah disampaikan oleh Encik Zabidi bin Dato' Md. Adib, Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia kepada Puan Rosmala Abdul Rahim, Timbalan Ketua Pustakawan (Perancangan dan Pembangunan), merangkap Pengerusi JKPP PSAS di Majlis Perasmian Penutup Bulan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Dewan OSH UPM. Semoga anugerah ini akan menyuntik semangat warga PSAS untuk terus komited dalam mewujudkan persekitaran kerja yang sihat dan selamat.



Dr. Vinod Chachra, Presiden VTLS menyampaikan Anugerah VTLS kepada Encik Amir Hussain Md. Ishak, Ketua Pustakwan UPM.

# Sambutan 25 Tahun Sistem Perpustakaan VTLS di PSAS

**UPM, 11 November** - VTLS Inc. telah menganugerahkan sijil penghargaan kepada Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS) yang telah menggunakan Sistem Perpustakaan VTLS sejak 1988. Sijil penghargaan telah disampaikan oleh Dr. Vinod Chachra, Presiden / CEO VTLS Inc. (United States) kepada Encik Amir Hussain Md. Ishak, Ketua

Pustakawan UPM di satu majlis ringkas yang diadakan di Bilik Termasa, PSAS. Majlis ini turut dihadiri oleh tetamu jemputan yang terdiri daripada wakil VTLS, mantan Ketua Pustakawan PSAS, Ketua-ketua Pustakawan di kawasan Lembah Klang, bekas staf PSAS dan staf PSAS.

Para tetamu yang hadir telah dipertontonkan dengan

persembahan multimedia mengenai sejarah pembangunan sistem perpustakaan VTLS di PSAS. Ia juga mengimbuai kembali sumbangan staf yang terlibat dalam proses pengautomasian sistem perpustakaan. Satu pameran berkaitan perkara ini juga telah diadakan.

## 'SEMINAR GUIDE TO GETTING PUBLISHED'

Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS) sentiasa komited membantu warga UPM dalam aktiviti penerbitan ilmiah dengan menganjurkan seminar berkaitan panduan menerbitkan kertas penyelidikan dalam jurnal saintifik yang berimpak tinggi. Sehingga 19 September 2013, PSAS dengan kerjasama pihak pembekal pangkalan data telah mengadakan lima seminar

berkaitan 'Guide to Getting Published'.

Pihak penerbit telah menyediakan penceramah yang berkualiti dalam bidang penulisan dan penerbitan. Seminar ini disasarkan kepada pelajar siswazah, penyelidik dan pensyarah di UPM sahaja. Sambutan yang diterima sangat menggalakkan di mana semua penyertaan seminar mencapai jumlah

peserta yang ditetapkan. Peserta seminar mencadangkan agar PSAS lebih kerap mengadakan seminar seumpama ini bagi membantu mereka dalam aktiviti penulisan dan penerbitan. Sehubungan dengan itu, PSAS merancang untuk mengadakan lagi siri seminar seperti ini pada tahun hadapan.

### SEMINAR "HOW TO PUBLISH IN IOP JOURNALS"

**UPM, 29 Julai** - Perpustakaan Sultan Abdul Samad dengan kerjasama Access Dunia Sdn Bhd telah menganjurkan seminar yang bertajuk "How to Publish in IOP Journals". Seminar ini telah dikendalikan oleh Mr. Nicola Gulley, Pengarah

Editor IOP Publishing di Auditorium Lukut 1, PSAS kepada 70 orang peserta yang terdiri daripada pelajar dan pensyarah UPM.

### SEMINAR SPRINGER E-BOOKS PUBLISHING

Perpustakaan Sultan Abdul Samad dengan kerjasama pihak Springer telah menganjurkan Seminar e-Books Publishing di Dewan Utama Fakulti Bioteknologi dan Biomolekular pada 18 September 2013. Terdapat empat orang penceramah telah menyampaikan ceramah mengikut topik yang ditetapkan seperti berikut:

- Springer Strategies in the current research environment oleh Mr James Mercer;
- Making the most of Springer eBooks oleh Ms Chua Saw

- Luan;
- Springer publishing services oleh Dr Loyola D'Silva dan;
- What is wrong with my submission oleh Prof Madya Dr. Ahmad Zaharin Aris.

Prof Dr Mohd Ali Hassan, Dekan Fakulti Bioteknologi dan Biomolekular telah merasmikan seminar ini. Turut hadir ialah Encik Muzaffar Shah Kassim, Timbalan Ketua Pustakawan (Perkhidmatan). Seminar ini dihadiri seramai 110 orang peserta, terdiri daripada pensyarah dan pelajar.



Prof Dr Mohd Ali Hassan menyampaikan ucapan aluan

Mr James Mercer dan Prof Dr Mohd Ali Hassan

Peserta seminar sedang mendengar pembentangan yang disampaikan oleh penceramah

# Newly Subscribed Database / e-Books

## Royal Society of Chemistry

In fulfilling the needs of users in the field of chemistry, PSAS has subscribed the Royal Society of Chemistry (RSC) database starting this year. With a history dating back to 1841, RSC publishing is one of the largest and most dynamic publishers of chemical science in the world. RSC is a not-for-profit publisher

committed to advancing the chemical sciences, with any surplus reinvested in supporting the global scientific community. RSC published more than 30 peer-reviewed journals and magazines, and over 1000 online books, spanning subject areas of analytical science, biological chemistry, catalysis, chemical

biology & medicinal chemistry, energy, environmental science, food science, general chemistry, inorganic chemistry, materials science, nanoscience, organic chemistry and physical chemistry. Please visit [www.lib.upm.edu.my](http://www.lib.upm.edu.my) for further details.




## Royal Institute of British Architects (RIBA)

RIBA Publishing, is part of RIBA Enterprises Ltd, and owned by the Royal Institute of British Architects (RIBA). It is one of the leading provider of high quality information for


architects and other built environment professionals. This year, PSAS has subscribed to 98 RIBA e-Books. Visit our website at [www.lib.upm.edu.my](http://www.lib.upm.edu.my) to access this database. Below

are some of the RIBA e-books titles subscribed by the library.


Visit [www.lib.upm.edu.my](http://www.lib.upm.edu.my) for further details.



**Axiomatic Consensus Theory in Group Choice and Biomathematics**  
William H. E. Day; F. R. McMorris;  
ISBN: 0-89871-551-2 (pbk.) ,  
Year: 2003



**Applied Adaptive Statistical Methods Tests of Significance and Confidence Intervals**  
Thomas W. O'Gorman;  
ISBN: 0-89871-553-9 (pbk.) ,  
Year: 2004



**A First Course in Order Statistics**  
Barry C. Arnold; N. Balakrishnan;  
H. N. Nagaraja;  
ISBN: 9780898716481(pbk:alk. paper) ,  
Year: 2008



**Scientific Computing with Case Studies**  
Dianne P. O'Leary;  
ISBN: 9780898716665 ,  
Year: 2008

## PAMERAN KEMERDEKAAN SEMPENA SAMBUTAN HARI KEMERDEKAAN MALAYSIA YANG KE-56

UPM, 29 Ogos – Sempena Sambutan Hari Kemerdekaan Malaysia yang ke-56, Perpustakaan Sultan Abdul Samad telah mengadakan Pameran Kemerdekaan yang bertajuk 'Malaysiaku Berdaulat: Tanah Tumpahnya Darahku'.

Pameran yang berkonsepkan patriotik, perpaduan dan kedaulatan negara ini bertujuan untuk menonjolkan negara Malaysia sebagai sebuah negara berdaulat dan rakyat sentiasa bersedia mempertahankan kedaulatan negara daripada sebarang pencerobohan. Pameran ini juga sebagai tanda penghargaan kepada perajurit Negara. Bagi menjayakan pameran ini, PSAS telah menerima sumbangan bahan pameran seperti bunting dan reka bentuk poster daripada pihak Jabatan Penerangan Malaysia, Putrajaya

Semoga pameran seumpama ini mampu meningkatkan semangat patriotisme dalam kalangan warga Universiti.



Pameran Kemerdekaan 'Malaysiaku Berdaulat: Tanah Tumpahnya Darahku'.

## Keynote Address on "The Role of Library Networking in Increasing Librarian's Competencies" at Universitas Surabaya (Ubya) Training Center (UTC)



Universiti Putra Malaysia's Chief Librarian, Mr. Amir Hussain Md. Ishak was invited by Forum Perpustakaan Perguruan Tinggi Indonesia (FPPTI) Jawa Timur to present a keynote address on "The Role of Library Networking in Increasing Librarian's Competencies" at their annual forum held at Universitas Surabaya (Ubya) Training Center (UTC) in the mountainous area of Trawas Mojokerto, Indonesia, from 17-18 September, 2013.

The annual FPPTI forum is a platform for librarians from various universities in East Java to exchange ideas on librarianship and information science. The forum also provides an opportunity for university librarians to discuss and explore how academic libraries can provide support to their institutions in relation to new developments in information science.

The forum was preceded by a dialog session on 16th of September between members of FPPTI, Mr. Amir Hussain Md. Ishak and Cik Nafisah Ahmad, Deputy Director, Perpustakaan Negara Malaysia. The dialog provides a platform for FPPTI members to gain a better understanding on the development of libraries and librarianship in Malaysia.

## 'Workshop on Collection Assessment Techniques'



Dr. Siti Arpah Noordin sedang menyampaikan ceramah kepada peserta.

Kajang, 10 September – Penilaian koleksi merupakan proses yang sistematik untuk menganalisis prestasi koleksi perpustakaan. Proses penilaian ini boleh dijalankan secara kuantitatif dan kualitatif bagi menghasilkan laporan yang komprehensif.


Bagi memperkasa ilmu profesional pustakawan dalam bidang penilaian koleksi, Perpustakaan Sultan Abdul Samad, Universiti Putra Malaysia telah menganjurkan kursus bertajuk "Workshop on Collection Assessment Techniques". Bengkel ini diadakan pada 10 dan 11 September 2013 di Residence Hotel, Universiti Tenaga Nasional, dan dihadiri seramai 33 orang staf perpustakaan dari seluruh negara.

Bengkel ini adalah kesinambungan bengkel "Collection Assessment Workshop: Value for Money" yang diadakan pada tahun 2012, di MINES Wellness Hotel, Seri Kembangan. Kandungan kursus siri kedua telah ditambahbaik dengan sesi latihan/kajian kes secara "hands on". Bengkel ini dikendalikan oleh 2 orang pakar dari Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA iaitu Dr. Siti Arpah Noordin dan Dr Mad Khir Johari Abdullah Sani.



Sesi kajian kes dikendalikan oleh Dr Mad Khir Johari Abdullah Sani.

## Workshop on Collection Assessment Techniques




## SESI PENGENALAN PERPUSTAKAAN


**UPM, September** - Sesi Pengenalan Perpustakaan merupakan aktiviti tahunan PSAS untuk memberikan pendedahan kepada pelajar mengenai koleksi, perkhidmatan dan kemudahan yang terdapat di Perpustakaan. Program ini dikendalikan oleh Bahagian Pengurusan Maklumat dengan dibantu oleh pustakawan dan pegawai pelaksana dari lain-lain bahagian di Perpustakaan. Tayangan video mengenai PSAS dan kelas Katalog Perpustakaan (WebOPAC) disampaikan kepada 3,291 pelajar baharu pra siswazah UPM 2013/2014 yang menghadiri program ini. Berikut dikongsikan beberapa maklum balas yang diterima daripada pelajar mengenai PSAS.




AINA: **Awesome!**




FATIN: **PSAS is the best library ever! Thank you.**



SUMAIYYAH: **my second home!! Sincerely I love to be part of UPM, because this awesome, gojes, library.**



ANGIE: **PSAS is my heaven of knowledge.**



NORITA MOHD YUSUF: **go Library go! PSAS the Best**

## PENERBITAN BROSUR/PANDUAN PERPUSTAKAAN 2013



Panduan/Brosur Perpustakaan tahun 2013



Pelajar baharu sesi 2013/2014 sedang membaca panduan dan brosur sewaktu Program Taklimat Perpustakaan

**UPM, 19 September** - Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS) telah menerbitkan Brosur/Panduan Perpustakaan bagi membantu pengguna mengenali dan mengetahui perkhidmatan dan kemudahan terkini yang disediakan. Panduan Perpustakaan mengandungi maklumat mengenai kelayakan pinjaman, peraturan, jenis koleksi, lokasi perkhidmatan dan kemudahan serta direktori perkhidmatan. Manakala, Brosur perkhidmatan memberi maklumat terperinci mengenai perkhidmatan yang ditawarkan oleh PSAS.

Brosur/Panduan ini diterbitkan dalam dua bahasa iaitu Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Brosur/Panduan ini telah diedarkan kepada pelajar baharu sesi 2013/2014 semasa Sesi Pengenalan Perpustakaan. Brosur/Panduan ini juga akan dihantar secara berperingkat ke seluruh PTJ UPM bagi mempromosi perkhidmatan di PSAS.



## Bilik Bacaan Ringan Leisure Reading Room

**UPM, 9 September** – PSAS terus mengorak langkah dalam meningkatkan mutu perkhidmatan dengan menyediakan Bilik Bacaan Ringan di Aras 1, Blok A. Bilik Bacaan Ringan ini mula dibuka kepada pengguna pada semester baharu 2013/2014.

Bilik ini menempatkan koleksi novel bahasa Malaysia dan Inggeris daripada pelbagai genre. Kini terdapat 500 judul novel dalam koleksi ini dan bilangan ini akan

bertambah dari masa ke masa. Novel-novel ini boleh dipinjam keluar.

Bagi mewujudkan ruang yang kondusif kepada pengguna perpustakaan, Bilik Bacaan Ringan ini dilengkapi karpet dan perabot, serta dihiasi dengan corak dan warna dinding yang menarik. Kemudahan wifi dan plag elektrik juga disediakan untuk melayari Internet secara santai.



## Pembentangan Kertas Kerja Pustakawan

### Seminar Kepustakawanan 2013

**Kota Samarahan, 26 September** – Encik Amir Hussain Ishak, Ketua Pustakawan PSAS telah dijemput ke Universiti Malaysia Sarawak, Kota Samarahan, Sarawak bagi menyampaikan kertas kerja bertajuk “Transforming

Libraries for Sustainability: Issues and Challenges” dalam Seminar Kepustakawanan 2013. Seminar ini dianjurkan oleh Centre for Academic Information Services, Universiti Malaysia Sarawak.

### Seminar Kebangsaan Pustakawan Malaysia 2013

**Melaka, 27 Ogos** – Jawatankuasa Tetap Perpustakaan Akademik, Persatuan Pustakawan Malaysia telah menganjurkan Seminar Kebangsaan Pustakawan Malaysia 2013 di Mahkota Hotel, Melaka. Seminar ini diadakan pada setiap dua tahun bagi membolehkan para pustakawan di Malaysia berkongsi maklumat terkini dalam bidang kepustakawanan dan sains maklumat.

untuk dibentangkan di seminar ini, iaitu:

1. Sistem repositori dokumen kerajaan dalam pelaksanaan pengurusan projek / Siti Khairiah Yusuf.
2. Kajian perbandingan persepsi pustakawan Universiti Penyelidikan dan bukan Universiti Penyelidikan di Malaysia terhadap kepentingan penyelidikan / Salmah Abdullah, Fatimah Zahrah @ Aishah Amran dan Morni Yati Ibrahim.
3. Academician perception of a liaison librarian service at Universiti Putra Malaysia Library : a case study / Norhazura Hamzah dan Azwana Abdul Rahman.
4. Peranan dan keperluan perpustakaan kepada generasi masa depan : perpustakaan desa / Samsul Farid Samsudin.

PSAS telah memberi sumbangan besar dalam penganjuran Seminar ini dengan penglibatan tiga orang pustakawannya iaitu Puan Salmah Abdullah, Fatimah Zahrah @ Aishah Amran dan Encik Mohd Dasuki Sahak yang telah dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Kertas Kerja dan Dokumentasi Seminar.

Kertas kerja yang dibentangkan akan diterbitkan dalam bentuk prosiding dan ini akan menyumbang kepada penerbitan pegawai Universiti.

Di samping itu, empat kertas kerja hasil penulisan beberapa orang pustakawan PSAS juga telah terpilih

## Lawatan staf Universiti Malaysia Kelantan ke Perpustakaan Perubatan Veterinar, UPM



Encik Azizan Arshad menyampaikan cenderahati kepada Encik Azman Hashim



Rombongan pelawat bersama staf Perpustakaan Perubatan Veterinar

**UPM, 26 September** – Perpustakaan Perubatan Veterinar Universiti Putra Malaysia telah menerima lawatan daripada staf Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Lawatan tersebut bertujuan untuk mendapatkan penerangan dan pengalaman dalam membangunkan sebuah perpustakaan perubatan veterinar.

Penyelaras Perpustakaan Perubatan Veterinar UPM, telah meraikan rombongan ini bagi pihak Ketua Pustakawan PSAS.

Lawatan dimulakan dengan taklimat Perpustakaan dan tayangan video korporat, dan diakhiri dengan sesi soal jawab. Pelawat kemudiannya dibawa melawat ke sekitar Perpustakaan Perubatan Veterinar UPM.

Rombongan pelawat UMK telah diketuai oleh Ketua Pustakawan, Encik Azman Hashim. Encik Azizan Arshad,

## Latihan Industri



Tiga orang pelajar UiTM yang telah memilih PSAS sebagai tempat untuk menjalani Latihan Industri dari 2 September hingga 29 November 2013

## Lawatan ke UPM



23 September 2013 - PSAS menerima lawatan daripada Delegasi Universitas Bengkulu, Indonesia yang terdiri daripada 32 orang pensyarah dan mahasiswa.



23 September 2013 - PSAS menerima lawatan daripada 30 orang pelajar Program “Internship” Kyutech, Jepun




# Books Review

## Cahaya Abadi - Riwayat Hidup Rasulullah S.A.W

## Agricultural Research Updates

Penulis : **Safi-ur-Rahman al-Mubarakpuri**  
Penterjemah : **Mod Nor Long**  
Disemak oleh : **Dr. Mohd. Puzhi Bin Usop**  
Penerbit : **Al-Hidayah Publication**  
Tahun Penerbitan : **2012**  
No. Panggilan : **BP75.29 M4 A452**  
Lokasi : **Perpustakaan Utama**

Editor : **Prathamesh Gorawala and Srushti Mandhatri**  
Publisher : **Nova Science Publishers**  
Year of Publication : **2012**  
Call Number : **S439 A278.8 vol.1**  
Location : **Main Library**



Sebuah rentetan sejarah seluruh kehidupan Rasulullah S.A.W dari saat kelahiran sehinggalah baginda wafat iaitu selama lebih enam dekad. Sememangnya, tempoh perjuangan dalam menegakkan agama Allah dari peringkat awal sehingga akhir hayatnya penuh dengan segala macam ranjau dan rintangan. Mengalami pelbagai ujian kecil atau besar, sebaik sahaja Baginda ditauliahkan sebagai Rasul atau lebih tepat ketika Baginda mula menerima

wahyu pertama. Bertitik tolak dari peristiwa itu, bermulalah risalah dan utusan suci diterjemahkan kepada kegiatan dakwah yang diilhamkan Allah S.W.T disampaikan kepada sekumpulan kecil individu dalam kalangan keluarga dan sahabat terdekat di Kota Mekah. Di situlah cahaya dan hidayah Islam mula bertapak lantas terpancar dengan cara yang paling sederhana. Sedikit demi sedikit cahaya abadi terpancar ke seluruh bumi Arab dan wilayah sekitarnya.



This compilation examines agricultural research from across the globe and covers a broad spectrum of related topics. In this book, the authors discuss research including breeding improved cassava cultivars in tropical/subtropical bio-systems; sluggish alcoholic fermentations during wine production; agricultural productivity and poverty in Vietnam; the role of eco-management for sustainable agricultural


production; molecular marker assisted selection for disease resistance breeds of cattle; an improved in vitro method for isolated microspore culture of durum wheat, modeling crop water requirements in the Upper Indus Basin of Pakistan for enhancing food security; and agricultural practices for sustainable crop production and soil health.

## Essential Microeconomics


## Cancer Nanotechnology: Principles and Applications in Radiation Oncology

Author : **John G. Riley**  
Publisher : **Cambridge University Press**  
Year of Publication : **2012**  
Call Number : **HB 172 R573**  
Location : **Main Library**

Editor : **Sang Hyun Cho and Sunil Krishnan**  
Publisher : **Taylor and Francis Group**  
Year of Publication : **2013**  
Call Number : **R 857 N34 C215**  
Location : **Main Library**



Essential Microeconomics is designed to help students deepen their understanding of the core theory of microeconomics. Unlike other texts, this book focuses on the most important ideas and does not attempt to be encyclopedic. Two-thirds of the textbook focuses on price theory. As well as taking a new look at standard equilibrium theory, there is extensive examination of equilibrium under uncertainty, the capital asset pricing model, and arbitrage pricing theory.



A Compilation of research in the arena of nanoparticles and radiation oncology, which lies at the intersection of disciplines as diverse as clinical radiation oncology, radiation physics and biology, nanotechnology, materials science, and biomedical engineering. The book provides a comprehensive, cross-disciplinary survey of basic principles, research techniques, and outcome with

the goal of eventual clinical translation.

ISSN 1675-4808



9 771675 480008

Diterbitkan oleh:  
Perpustakaan Sultan Abdul Samad, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Selangor Darul Ehsan.  
[www.lib.upm.edu.my](http://www.lib.upm.edu.my) | [www.facebook.com/upmlib](http://www.facebook.com/upmlib)